



TANDA PRIHATIN: Najib memerhati Zulhanif menggunakan kerusi bermotor ciptaan sekumpulan pensyarah Universiti Malaysia Pahang selepas majlis penyerahan di kediamannya di Pekan, sambil diperhatikan (dari kiri) Dr Mohamed Said dan Dr Rosli, semalam

Zulhanif kini boleh 'duduk sama tinggi' dengan rakan

PEKAN: Kanak-kanak kenit, Zulhanif Abdul Halim, 7, pelajar Tahun Satu Sekolah Kebangsaan Sinar Mutiara, Sungai Miang, dekat sini kini boleh 'duduk sama tinggi' dengan rakan sebaya selepas menerima kerusi khas disumbangkan Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam.

Pelajar kenit dengan ketinggian 72 sentimeter dan berat 7.5 kilogram itu mengalami kesukaran menyesuaikan diri dan mengikuti pembelajaran kerana kerusi dan meja dalam kelas terlalu besar untuk saiznya yang kecil.

Kerusi ciptaan sekumpulan pensyarah UMP yang diberi nama 'Zump' diserahkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di kediamannya di sini semalam.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, berkata nama Zump adalah gabungan nama Zulhanif dan UMP.

"Ini adalah projek khidmat masyarakat UMP mereka bentuk dan fabrikasi kerusi khas dengan paku motor elektrik. Ia disesuaikan dengan asas ergonomik pelajar terbabit dari segi ketinggian dan saiz badan," katanya.

Kerusi yang dibina dengan kos kira-kira RM12,000 itu mempunyai bahagian rehat tangan dan kaki, bahagian duduk yang boleh dilaras dan rak buku di kiri serta kanan tempat duduk.

Selain itu, ciri tambahan kerusi itu dilengkapi pelindung keselamatan dan mudah alih.

Projek khidmat masyarakat itu diketuai Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP, Profesor Madya Dr Rosli Abu Bakar dan dibantu Gan Leong Ming, Wong Hong Mun, Devarajan Ramasamy, Mohd Fazli Ismail, Faizul Syahidan Rajuli dan Mohd Amnuddin Ayob.

Zulhanif walaupun kurang bercakap tidak dapat menyembunyikan kegembiraannya menerima kerusi khas itu dan tidak keberatan apabila diminta mencubanya sambil diperhatikan orang ramai.